


SEJARAH - TINGKATAN 3

Pendudukan Jepun di Negara Kita





Pengenalan

1. Salah satu peristiwa penting dalam sejarah negara kita ialah **Zaman Penjajahan Jepun**.
2. Negara kita berada dalam cengkaman Jepun selama kira-kira **tiga tahun setengah**, iaitu bermula dari 15 Februari 1942 hingga 12 September 1945.
3. Antara kesan utama sepanjang tempoh penjajahan tersebut ialah **semangat kebangsaan** lebih semarak di kalangan rakyat di negara ini.



Pengukuhan Minda

Tempoh penjajahan
Jepun di Negara kita

Dari 15 Februari 1942 hingga
12 September 1945
(tiga tahun setengah).

Kesan

Menyemarakkan lagi semangat kebangsaan

Pemerintahan Tentera Jepun di Negara Kita

Pemerintahan Jepun

1. Jepun bangkit sebagai sebuah kuasa imperialis di Asia apabila **Maharaja Meiji** mula berkuasa pada tahun 1868.
2. **Maharaja Meiji** telah memulakan pemulihan yang lebih menekankan **pemodenan** dan **perindustrian**.
3. Maharaja Meiji telah menjadikan negara-negara Barat sebagai model untuk memajukan Jepun.



Maharaja Meiji

4. Mangsa pertama, dasar imperialis Jepun ialah China, iaitu apabila Jepun memenangi Perang **China-Jepun** pada tahun 1895.
5. Menjelang abad ke- 20, iaitu pada tahun 1905, Jepun telah diiktiraf sebagai sebuah **kuasa besar** oleh Britain.



Pengukuhan Minda




Kedatangan Jepun

1. Penduduk Jepun di negara kita didorong oleh beberapa faktor terutamanya **masalah ekonomi** yang sedang dihadapi oleh negara tersebut.
2. **Penduduk Jepun** semakin bertambah, manakala **tanah pertanian** semakin berkurang.
3. Justeru itu, Jepun terpaksa beralih ke **sektor perindustrian**, tetapi Jepun mengalami **kekurangan bahan mentah**.
4. Antara bahan mentah yang amat diperlukan oleh Jepun ialah :
 - (a) **Petroleum**
 - (b) **Bijih timah**
 - (c) **Besi**
 - (d) **Getah**
5. Selain itu, Jepun juga memerlukan **kawasan pasaran baharu** untuk memasarkan hasil perindustriannya.
6. Amerika Syarikat pula pada masa yang sama bertindak mengenakan **sekatan ekonomi** terhadap Jepun.
7. Ini adalah disebabkan Jepun enggan berundur dari negara China.
8. Pada tahun 1940-an, **golongan tentera** amat berpengaruh dalam pemerintahan Jepun.
9. Untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh Jepun, golongan tentera berpendapat bahawa **penaklukan** adalah jalan terbaik.
10. Selain cara ketenteraan, Jepun juga telah menggunakan **propaganda** untuk mempengaruhi penduduk tempatan.
11. Slogan-slogan seperti '**Asia untuk Orang Asia**' dan '**Lingkungan Kesemakmuran Bersama Asia Timur Raya**' telah menambat hati penduduk tempatan memberi sokongan terhadap penjajahan Jepun.
12. Slogan-slogan ini, jelas berunsur **antipenjajah Barat** dan lebih menonjolkan imej Jepun sebagai **pembela** negara-negara yang dijajah Barat.
13. Strategi yang digunakan oleh Jepun ini amat berkesan sehingga kehadirannya tidak begitu dirasakan sebagai **penjajah baharu** selepas penjajah British.
14. Jepun juga menggunakan poster sebagai propagandanya untuk memenangi penduduk tempatan. Pada poster tersebut tertera '*Ya Allah peliharalah kami oleh tentera Jepun daripada aniaya*'.
15. Penggunaan tulisan jawi dan kalimah '*Ya Allah*' digunakan untuk menarik orang Melayu yang beragama Islam menyokong Jepun.



Pengukuhan Minda



Cara dan Strategi Serangan Jepun ke Atas Tanah Melayu, Sarawak dan Sabah

♣ Serangan udara dengan menggunakan **kapal terbang** yang lebih canggih untuk memberi perlindungan yang berkesan terhadap tentera daratnya.

♣ Penggunaan **kereta kebal** penggempur dan kereta perisai (kereta kebal kecil) yang berjaya memaksa tentera British berundur.

♣ Jepun juga menggunakan **basikal** untuk mempercepatkan kemaraan, iaitu melalui jalan yang sempit di kampung dan ladang. Ladang getah yang tidak sesuai dengan kenderaan berat untuk memintas tentera British dan membuat serangan dari arah belakang.

♣ Tentera Jepun menggunakan **bot** untuk menyusuri sepanjang pantai dari Pulau Pinang hingga ke selatan.
♣ Ini memudahkan operasi menurunkan anggota tenteranya.



Pengukuhan Minda



Kemaraan Tentera Jepun untuk Menguasai Tanah Melayu

1. Tentera Jepun yang berpangkalan di Cam Ranh (IndoChina) telah mendarat serentak di **Thailand (Singgora dan Patani)** dan **Kota Bharu** pada 8 Disember 1941.
2. Pada 13 Disember 1941, tentera Jepun yang mendarat di Singgora terus mara ke **Jitra**, Kedah.
3. Kemaraan Jepun berlaku begitu cepat kerana Thailand memberi **laluhan** kepada tentera Jepun.
4. Tentera Jepun yang mendarat di Pattani pula terus mara ke **Gerik** dan kemudian bertemu dengan kumpulan-kumpulan dari Singgora di **Kuala Kangsar**, Perak.
5. Kumpulan yang bergerak melalui Singgora kemudian **berpecah kepada dua kumpulan** setelah menawan Jitra, iaitu sekumpulan ke Pulau Pinang dan sekumpulan lagi meneruskan kemaraan ke selatan melalui **perairan pantai Barat**.
6. Tentera Jepun yang mendarat di Kota Bharu pula mara ke selatan **mengikut jalan darat** di negeri-negeri Timur.

Kemaraan Tentera Jepun untuk Menguasai Sarawak dan Sabah

1. Jepun tiada mendapat tentangan yang sengit semasa mara di Sarawak dan Sabah.
2. Tentera Jepun mula bergerak dari pangkalan tentera Cam Ranh (IndoChina) dan mendarat di Miri pada 21 Disember 1941.
3. Pendaratan tentera Jepun di **Miri** agak lewat daripada Tanah Melayu, iaitu pada 16 Disember 1941.
4. Dari Miri pula, kumpulan ini **berpecah dua** iaitu kumpulan pertama ke Kuching dan kumpulan kedua ke Sibiu.
5. Kumpulan yang kedua ini terus mara ke Labuan dan seterusnya ke Sandakan pada 19 Januari 1942.
6. Serangan tentera Jepun ini telah memberi kemusnahan **infrastruktur, sumber ekonomi** dan **bangunan-bangunan**.
7. Tentera British pula menggunakan taktik '**Bumi Hangus**' semasa berundur.
8. Mereka memusnahkan jambatan, jalan kereta api, jalan raya, ladang-ladang dan kawasan

- perlombongan.
9. Taktik ini bertujuan untuk **melambatkan kemaraan tentera Jepun** serta **melumpuhkan ekonomi**.
 10. Di Sarawak, British juga bertindak membakar telaga minyak di Miri dan memusnahkan dokumen-dokumen kerajaan.
 11. Tentera British yang terdiri daripada pelbagai negara, iaitu India, Australia dan British **tidak mampu menyekat** kemaraan tentera Jepun yang bersemangat dan berdisiplin tinggi.
 12. Tentera British yang semakin terdesak telah **berundur** ke Selatan sambil dihujani dengan peluru daripada kapal terbang perang British.
 13. Bandar-bandar utama dari utara ke selatan **tumpas satu persatu** ke tangan tentera Jepun.
 14. Tentera British yang kebanyakannya tentara luar memang **tidak bersemangat** untuk mempertahankan Tanah Melayu sehingga ke titisan darah yang terakhir kecuali askar Melayu.
 15. Ini kerana mereka lebih **memberi tumpuan** dalam mempertahankan negara sendiri, Britain di Eropah.
 16. Manakala, askar Melayu yang diketuai oleh **Leftenan Adnan** berjuang bermati-matian hingga ke titisan darah yang terakhir di Bukit Gap, Singapura.
 17. Setelah sepuluh minggu, iaitu sejak pendaratan tentera Jepun di Kota Bharu, **seluruh Tanah Melayu** termasuk Singapura kini berada di bawah cengkaman Jepun.
 18. Pada 15 Februari 1942, **Leftenan Jeneral A.E. Percival** terpaksa menyerah diri kepada **Leftenan Jeneral Yamashita Tomoyuki** di Singapura.
 19. Peristiwa kejatuhan Tanah Melayu yang begitu cepat ke tangan tentera Jepun telah memberi iktibar kepada kita bahawa penjajah **tidak bersungguh-sungguh** untuk mempertahankan tanah air kita.
 20. Mereka hanya ingin **mengaut kekayaan** di negara kita sahaja dan membiar negara kita terdedah kepada serangan musuh.

Kemusnahan Akibat Peperangan di Tanah Melayu

1. Peperangan membawa kesengsaraan dan kemusnahan terhadap kedua-dua pihak, '**yang kalah menjadi abu yang menang menjadi arang**.'
2. Peperangan boleh memusnahkan bangunan-bangunan yang dibina bertahun-tahun lamanya daripada wang rakyat dengan hanya sekelip mata.
3. Tamadun manusia turut musnah apabila tempat-tempat sejarah contohnya, Muzium Selangor musnah dibom oleh tentera Jepun.
4. Kemusnahan yang belaku sukar dipulihkan dan ini mengakibatkan aktiviti harian terencat serta ekonomi dan perkembangan negara juga terbantut.

Faktor Kejayaan Jepun Menakluki Tanah Melayu



1. Kejayaan tentera Jepun dalam masa yang singkat telah memeranjatkan banyak pihak termasuk **Amerika Syarikat** dan **Britain** sendiri.
2. **Kunci kejayaan** Jepun ialah :
 - (a) Merangka **strategi** perang yang baik.
 - (b) Kegiatan **perisikan** yang berkesan.
 - (c) **Semangat** perjuangan tentera Jepun yang sangat tinggi.
 - (d) Tentera yang **berpengalaman** dan **berdisiplin**.
3. Selain itu, tentera Jepun bijak mengambil peluang, iaitu ketika kuasa-kuasa Barat sedang sibuk menumpukan peperangan di Eropah.
4. Penduduk tempatan pula tidak memberi tentangan terhadap kedatangan tentera Jepun kerana terpengaruh dengan slogan-slogan propaganda Jepun.
5. Mereka amat mengharapkan Jepun membebaskan negara ini daripada belenggu penjajah.

Pemerintahan Jepun

1. Semasa menduduki negara kita, Jepun telah mewujudkan **pemerintahan secara tentera**.
2. Tanah Melayu dikenali dengan **Malai Baru (Melayu Baru)**.
3. Singapura pula dikenali sebagai **Syonan (Cahaya Selatan)** dan pentadbiran Singapura diasingkan daripada Tanah Melayu.
4. Terdapat **tiga peringkat** pentadbiran Jepun Tanah Melayu, iaitu :

- (a) Pentadbiran pusat
- (b) Pentadbiran wilayah
- (c) Pentadbiran daerah

Dasar pemerintahan

1. Pada peringkat awal, tentera Jepun telah menggabungkan **Tanah Melayu** dan **Sumatera** bawah satu kerajaan pusat.
2. **Kerajaan pusat** ini diketuai oleh **Pengarah Agung** yang beribu pejabat di Singapura.
3. Di bawah kerajaan pusat ini terdapat wilayah-wilayah yang terdiri daripada **negeri-negeri**.
4. Setiap **wilayah** ini diketuai oleh **Gabenor**.
5. **Kedah, Perlis, Kelantan** dan **Terengganu** diserahkan kepada Thailand sebagai menghargai jasa negara tersebut yang memberi laluan kepada tentera Jepun menyerang Tanah Melayu.
6. **Sarawak, Sabah** dan **Brunei** pula telah digabungkan kepada satu unit pentadbiran yang dikenali sebagai **Borneo Utara**.
7. **Ketua pentadbiran** Borneo Utara ialah seorang **Gabenor Jeneral** yang beribu pejabat di Kuching.
8. Pusat pentadbiran tentera Jepun kemudian berpindah di Sabah.
9. Sarawak dibahagikan kepada **tiga wilayah** sementara Sabah pula kepada **dua wilayah** yang diketuai oleh Gabenor.
10. Pentadbiran di peringkat rendah tidak banyak berubah sama ada di Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak.

Struktur Pentadbiran Jepun di Tanah Melayu





PENTADBIRAN DAERAH





Dasar Pentadbiran

1. Pelbagai dasar telah diperkenalkan oleh **pentadbiran** tentera Jepun bagi mencapai matlamat penjajahan di Tanah Melayu.
2. Dasar-dasar tersebut sering **berubah** mengikut kepentingan Jepun.
3. Jepun telah **mengabaikan** kepentingan penduduk tempatan.
4. Setiap dasar yang diperkenalkan oleh Jepun mempunyai muslihat tertentu.
5. Apabila Jepun kalah dalam Perang Dunia Kedua, barulah dasar-dasar Jepun yang lebih **bermanfaat** kepada penduduk tempatan diperkenalkan.
6. Perubahan ini adalah untuk **meraih sokongan** rakyat bagi menentang British apabila kembali ke Tanah Melayu kelak.



Pengukuhan Minda

Dasar Pentadbiran Jepun

- ♣ Dasar berubah-ubah mengikut kepentingan Jepun.
- ♣ Kepentingan penduduk diabaikan.
- ♣ Rakyat tidak berhak menyuarakan pendapat mereka.
- ♣ Setiap dasar yang diperkenalkan mempunyai muslihat tertentu.
- ♣ Dasar-dasar lebih bermanfaat di saat-saat akhir kekalahan mereka.

Dasar Pemerintahan Jepun

Dasar	Perkara	Huraian
Dasar politik	Kedudukan Sultan	♣ Sultan tidak lagi menjadi pemerintah negeri. ♣ Sultan hanya berkuasa sebagai ketua agama Islam dan ketua adat istiadat Melayu. ♣ Sultan mendapat ehun.
	Status Tanah Melayu	♣ Tanah Melayu dijadikan tanah jajahan Jepun dan tidak diberikan taraf kemerdekaan.
	Majlis Agama Islam	♣ Ditubuhkan pada saat-saat akhir Jepun hampir kalah.
Dasar Sosial	Orang Melayu	♣ Kedudukan orang Melayu dilayan lebih baik kerana Jepun inginkan kerjasama mereka untuk mengusir British di Tanah Melayu.
	Orang India	♣ Orang India juga dilayan dengan baik kerana Jepun inginkan kerjasama mereka untuk mengusir British di India.
	Orang Cina	♣ Orang Cina dilayan dengan kasar.
Dasar Penjepunan	Kesetiaan Terhadap Jepun	♣ Untuk memupuk kesetiaan terhadap Maharaja Jepun. ♣ Berusaha untuk menghapuskan pengaruh Barat. ♣ Sekolah Cina dan Inggeris dimusnahkan.
	Kebudayaan Jepun digalakkan	♣ <i>Nippon-Go</i> (bahasa Jepun) dijadikan sebagai bahasa pengantar. ♣ Lagu kebangsaan Jepun (<i>Kimigayo</i>) dinyanyikan pada setiap hari di sekolah. ♣ Cuti diberikan sempena hari perayaan-perayaan Jepun.

Dasar Ekonomi	Ekonomi kawalan	♦ Memperkenalkan ekonomi kawalan. ♦ Eksploitasi ekonomi tertumpu kepada perindustrian dan peperangan. ♦ Layanan istimewa diberi kepada '<i>Kaisha</i>' (Syarikat Jepun)
	Ekonomi sara diri	♦ Menggalakkan ekonomi sara diri seperti pengehuan makanan dan barang keperluan. ♦ Perusahaan getah dan bijih timah diabaikan. ♦ Catuan pembelian beras dilaksanakan. ♦ Mencetak mata wang pokok pisang tanpa kawalan.



Pengukuhan Minda





Pengukuhan Minda

Dasar Ekonomi
Tentera Jepun

- ♣ Mengeksploit ekonomi untuk perindustrian dan peperangan.
- ♣ Mengabaikan perlombongan bijih timah dan perusahaan getah kerana tidak mendapat permintaan.
- ♣ Menggalakkan ekonomi sara diri untuk pengeluaran makanan dan barang keperluan.
- ♣ Melaksanakan catuan pembelian beras.
- ♣ Mencetak mata wang pokok pisang tanpa kawalan.
- ♣ Memberi layanan istimewa kepada '*kaisya*' (Syarikat Jepun).



Pengukuhan Minda

Sistem pendidikan
Jepun

♣ Mengharamkan penggunaan bahasa Inggeris.

♣ Mengharamkan bahasa Cina.

♣ Mewajibkan kursus bahasa Jepun diajar di sekolah teknik, perubatan dan pelayaran.

♣ Minggu bahasa Jepun diadakan di bandar-bandar.

♣ Perpustakaan sekolah dilengkapi dengan buku-buku kesusasteraan dan kebudayaan Jepun.

Reaksi Penduduk Terhadap Pemerintahan Jepun

Reaksi orang Melayu

1. Penduduk tempatan memberi **pelbagai reaksi** terhadap kehadiran tentera Jepun di Tanah Melayu.
2. Sebahagian besar orang Melayu **tidak menentang**, malah ada yang mengalu-alukan kehadiran Jepun.
3. Orang-orang Melayu terpengaruh dengan **slogan-slogan** Jepun seperti :
 - (a) '**Asia untuk Orang Asia**'
 - (b) '**Lingkungan kesemakmuran Bersama Asia Timur Raya**'
4. **Kesatuan Melayu Muda** (KMM) telah mengadakan hubungan sulit dengan pihak Jepun.
5. KMM adalah di bawah pimpinan **Ibrahim bin Yaakob** merupakan pertubuhan **radikal** anti-British.
6. KMM telah menyebarkan **propaganda pro-Jepun**.
7. Jepun juga memberi bantuan kewangan sebanyak **\$40 000** kepada KMM untuk membeli akhbar **Warta Malaya**.
8. Sebagai balasan pertolongan KMM, tentera Jepun menjanjikan **kemerdekaan** Tanah Melayu.
9. Setelah menduduki Tanah Melayu, tentera Jepun mewujudkan satu **pemerintahan baharu**.
10. Dasar-dasar pemerintahan Jepun ini banyak **menyusahkan** rakyat.
11. Slogan-slogan Jepun hanya **muslihat** Jepun sahaja untuk kepentingan mereka.
12. Tanah Melayu **tidak diberi kemerdekaan** seperti yang dijanjikan.
13. Status Tanah Melayu berubah menjadi **tanah jajahan**.
14. Pada peringkat awal pemerintahan juga, Jepun **tidak mengiktiraf** kedudukan Raja-raja Melayu.
15. Oleh itu, sokongan orang Melayu juga tidak bertahan lama.

16. KMM sendiri telah **dibubarkan** oleh Jepun.
17. Tentera Jepun mula menunjukkan tembelang dengan melakukan kekejaman terhadap sesiapa sahaja yang dianggap bersalah.

Reaksi orang Cina

1. Reaksi orang Cina jelas dipengaruhi oleh **Perang China-Jepun** pada tahun 1937.
2. Kebanyakan orang Cina terlibat dengan gerakan **anti-Jepun**.
3. Mereka telah memulaukan barangan Jepun dan menjalankan **pungutan derma** untuk membantu negara China yang diserang Jepun.
4. Terdapat juga dikalangan pemuda Cina yang pulang ke negara China untuk melibatkan diri dalam **gerakan menentang Jepun**.
5. Justeru itu, setelah Jepun menjajah Tanah Melayu, orang Cina telah menjadi mangsa **balas dendam** tentera Jepun, iaitu mereka dilayan dengan kasar dan dibunuh dengan kejam.
6. Walau bagaimanapun, terdapat segolongan orang Cina yang **menyokong** Jepun demi menjaga perniagaan dan keselamatan nyawa mereka.

Reaksi orang India

1. Orang India pula berbeza dengan orang Cina kerana mereka mendapat layanan yang **lebih baik**.
2. Ini adalah kerana Jepun memerlukan kerjasama mereka untuk mengusir penjajahan **British** di India.
3. Jepun telah mempengaruhi orang India yang **berkhidmat dalam angkatan tentera British** supaya berkerjasama dengan pihak Jepun.
4. Oleh itu, sebahagian besar daripada orang India dalam tentera British ini telah menyertai **Tentera Kebangsaan India**.
5. Jepun juga telah mendorong mereka menubuhkan **Liga Kemerdekaan India**.

Gerakan Anti-Jepun

1. Kemunculan beberapa gerakan anti-Jepun merupakan reaksi penduduk tempatan terhadap pemerintahan Jepun yang kejam.
2. Pertubuhan-pertubuhan anti-Jepun juga muncul di Sabah, tetapi di Sarawak, kemunculannya tidak begitu jelas.
3. Pertubuhan-pertubuhan anti-Jepun menentang Jepun secara gerila.
4. Terdapat antara pertubuhan ini mendapat kerjasama daripada Tentera Bersekutu, khususnya British.

Pertubuhan-pertubuhan yang menentang pendudukan Jepun di negara kita.

<i>Pertubuhan</i>	<i>Keterangan</i>
MPAJA (Tentera Anti-Jepun Rakyat Tanah Melayu atau Malayan Peoples' Anti Japanese Army)	♦ Ditubuhkan oleh Parti Komunis Malaya (PKM). ♦ Berpura-pura bekerjasama dengan British untuk mendapatkan bantuan kewangan latihan ketenteraan dan senjata. ♦ Menggunakan taktik perang gerila.
Force 136	♦ Pasukan tentera sulit anti-Jepun ♦ Berpangkalan di Sri Lanka dan India. ♦ Mendapat latihan daripada Tentera Berikat di India. ♦ Bergerak secara gerila di dalam hutan. ♦ Pimpinan John Davis dan Richard Brooke.
Askar Melayu Setia (AMS)	♦ Mendapat bantuan daripada force 136.
Pasukan Wataniah Pahang	♦ Menentang tentera Jepun di Pahang. ♦ Sultan Pahang merupakan Pemerintah Kehormat. ♦ Pimpinan Yeop Mahyuddin bin Mohd. Sharif.
Gerila Kinabalu	♦ Melancarkan pemberontakan 'Double Tenth' terhadap pihak Jepun di Sabah tetapi gagal. ♦ Pimpinan Albert Kwok.
Pasukan Gerila Tun Datu Mustapha	♦ Menjalankan penentangan di Kudat. ♦ Pimpinan Tun Datu Mustapha.
Pasukan Gerila di Sandakan	♦ Menjalankan penentangan di Sandakan.

Penyerahan Jepun

1. Menjelang tahun 1945, Tentera Berikat telah **mendesak** Jepun untuk menyerah diri, tetapi Jepun masih enggan.
2. Tentera Berikat kemudian telah bertindak menggugurkan bom atom di bandar **Hiroshima** pada 6 Ogos 1945 dan kemudiannya di **Nagasaki** pada 9 Ogos 1945.
3. Akhirnya, Jepun terpaksa menyerah kalah tanpa syarat pada **15 Ogos 1945**.
4. **Jeneral Seishiro Itagi**, iaitu ketua tentera Jepun di Tanah Melayu menyerah diri kepda tentera Berikat di Kuala Lumpur.
5. Penyerahan kalah Jepun di Sarawak dan Sabah yang dilakukan oleh **Masao Baba** bertarikh September 1945 di **Surrender Point, Labuan**.
6. Tentera Jepun yang diketuai Jeneral Itagi menyerah kalah kepada Tentera Bersekutu yang diketuai oleh Louis Mountbatten menandakan berakhirnya penjajahan Jepun di Tanah Melayu.



Penyerahan kalah Jepun kepada British.

Kesan Pemerintahan Jepun

1. Pemerintahan Jepun selama **tiga tahun setengah** telah meninggalkan kesan yang mendalam kepada penduduk Tanah Melayu.
2. Kesan-kesan tersebut dapat dilihat dari aspek **politik, ekonomi** dan **sosial**.

Aspek Politik

1. Kemenangan Jepun iaitu sebuah kuasa Asia dalam perang Rusia-Jepun pada tahun 1905 serta kejayaan Jepun menewaskan kuasa-kuasa Barat di Asia Tenggara dalam Perang Dunia Kedua memberi **keyakinan** baharu kepada negara-negara Asia bahawa kuasa Asia dapat **menewaskan kuasa Barat**.
2. Pendudukan Jepun ke atas Tanah Melayu, Sabah dan Sarawak telah menyemarakkan lagi semangat kebangsaan di kalangan rakyat tempatan yang **anti-Barat**.
3. Slogan propaganda Jepun iaitu, 'Asia untuk Orang Asia' berjaya mempengaruhi pemikiran penduduk untuk **menolak penjajahan Barat**.
4. Pemerintahan Jepun telah menubuhkan **Koa Kunrenjo** iaitu melibatkan orang-orang Melayu dalam pentadbiran kerana mengalami **masalah kekurangan** pegawai awam.
5. Orang Melayu diberi peluang menjadi **pegawai daerah** yang sebelum ini hanya dimonopoli oleh pegawai-pegawai British.
6. **Ibrahim bin Haji Yaakob** dilantik untuk menegetuai pasukan pembela Tanah Air (PETA) dengan berpangkat **Leftenan Kolonel**.
7. PETA ialah pertubuhan separa tentera yang diberi latihan ketenteraan oleh Jepun untuk menentang **Tentera Bersekutu**.
8. **Dr. Burhanuddin al-Helmy** pula demikian dilantik sebagai Penasihat Kebudayaan dan Adat Istiadat Melayu.
9. Peluang untuk memegang jawatan tinggi dalam kerajaan **tidak pernah** dirasai semasa zaman pentadbiran British.
10. Ini dapat memberi keyakinan kepada orang-orang Melayu bahawa mereka boleh menjawat jawatan tinggi dalam pentadbiran jika diberi peluang.


<i>Tokoh</i>	<i>Jawatan</i>
Ibrahim bin Haji Yaakob	Leftenan Kolonel dalam PETA
Dr. Burhanuddin al-Helmy	Penasihat Kebudayaan dan Adat Istiadat Melayu

11. Dasar-dasar Penjepunan membuktikan Jepun hanya **mementingkan diri** dan bukan hendak membela negara-negara Asia.

12. Aktiviti politik orang Melayu sentiasa diawasi.
13. Kebebasan bersuara juga tiada.
14. Akhbar-akhbar yang dicurigai turut diharamkan.
15. Pertubuhan-pertubuhan yang pro-Jepun sahaja dibenarkan beroperasi.
16. KMM juga telah diharamkan pada tahun 1942.
17. Negeri-negeri Melayu Utara ialah Kedah, Perlis, Kelantan dan Terengganu telah diserahkan kepada Thailand.
18. Jepun membenarkan KMM dihidupkan semula apabila Jepun hampir tewas.
19. Tanah Melayu telah dijanjikan kemerdekaan bersama Indonesia.
20. KRIS atau Kesatuan Rakyat Indonesia Semenanjung ditubuhkan untuk menguruskan kemerdekaan bersama Indonesia.
21. Ini secara tidak langsung akan mengukuhkan lagi Konsep Melayu Raya yang diperjuangkan oleh KMM selama ini.
22. Semangat kebangsaan yang bersemarak semasa pemerintahan Jepun ini mempunyai haluan berbeza mengikut kaum dan berpaksikan negara asal masing-masing.
23. Semangat kebangsaan dikalangan orang India lebih kepada untuk memerdekakan India.
24. Semangat kebangsaan di kalangan orang Cina pula lebih kepada sikap anti-Jepun akibat Perang China-Jepun.
25. PKM pula telah menjadi semakin berpengaruh dan menubuhkan MPAJA, iaitu sebuah pertubuhan yang anti tentera Jepun.
26. MPAJA juga dikenali Tentera Bintang Tiga melambangkan tiga kaum utama di Tanah Melayu.
27. Pendudukan Jepun telah memberi kesedaran kepada penduduk tempatan bahawa sebarang bentuk penjajahan sama ada kuasa Barat atau Timur perlu ditentang.
28. Sikap mungkir janji Jepun untuk membenarkan pemerintahan sendiri, kekejaman tentera Jepun dan dasar-dasar yang mengongkong rakyat serta mementingkan diri sendiri telah memberi kesedaran tentang niat sebenar penjajah.

Kesan Ekonomi

1. Ekonomi Tanah Melayu semasa pemerintahan tentera Jepun semakin merosot dan ternyata slogan Jepun, 'Lingkungan Kesemakmuran Bersama Asia Timur Raya' gagal mencapai matlamat.
2. Untuk menjimatkan perbelanjaan, gaji pegawai kerajaan dipotong.
3. Tumpuan Jepun terhadap peperangan dalam jangka masa yang panjang telah menyebabkan pembangunan ekonomi tidak dapat dijalankan.
4. Pengangguran semakin berleluasa dan sekatan ekonomi oleh Tentera Berikat menyebabkan perdagangan antarabangsa terhenti.
5. Bijih timah dan getah nadi ekonomi negara tidak dapat dieksport ke negara Barat.
6. Beras tidak lagi dapat diimport dari Thailand dan Burma.
7. Selain itu, kawalan ketat oleh kapal selam Tentera Berikat menyebabkan bahan mentah tidak dapat dibawa keluar ke Jepun.
8. Pelaksanaan ekonomi kawalan hanya lebih menguntungkan Jepun daripada rakyat tempatan.
9. Rasuah, kegiatan menyorok barang dan pasaran gelap berleluasa.
10. Wang Pokok Pisang dicetak tanpa kawalan menyebabkan inflasi kerana penawaran melebihi permintaan dipasaran.



Wang Pokok Pisang



Pengukuhan Minda

Kesan Ekonomi Semasa
Pendudukan Jepun



Usaha-usaha Mengatasi Penderitaan

1. Akibat keperitan hidup yang dialami, penduduk di negara ini menjadi lebih kreatif.
2. mereka banyak mencipta bahan baharu yang berasaskan bahan tempatan.
3. Contoh, kasut getah daripada getah keping diperkenalkan.
4. Kain pula diperbuat daripada tenunan benang daun nanas.
5. Ubi kayu dan keledak pula menjadi makanan ruji menggantikan nasi kerana tanaman padi tempatan tidak menjadi disebabkan serangan serangga perosak.
6. Selain itu, perusahaan tradisional juga dijalankan seperti menghasilkan minyak kelapa, gula kelapa dan daun rokok.
7. Ubat-ubatan tradisional juga dipergiatkan semula.
8. Kebanyakan penduduk juga berpindah ke luar bandar untuk mencari kehidupan yang lebih baik kerana di bandar tiada pekerjaan.
9. Suatu perkara yang menarik tentang pemerintahan tentera Jepun ialah munculnya industri-industri baharu dengan ciptaan yang kreatif berasaskan sumber tempatan.
10. Industri-industri ini kesemuanya diusahakan oleh syarikat-syarikat dari Jepun.
11. Industri yang tidak ekonomik dan mengalami kekurangan bahan mentah akan lenyap begitu

sahaja.



Kesan Sosial

1. Penduduk Jepun hanya membawa **kesengsaraan** kepada sebahagian besar rakyat di negara ini.
2. Bekalan makanan tidak **mencukupi** dan sering dicatu.
3. Setiap keluarga hanya dibenarkan **memiliki dua gantang beras** dalam sebulan.
4. Barang keperluan harian yang lain seperti **makanan, pakaian** dan **ubat-ubatan** sukar diperoleh.
5. Jikalau ada, **harganya** pula melambung tinggi.
6. Wabak penyakit berleluasa terutamanya **penyakit beri-beri**.
7. Punca penyakit beri-beri adalah disebabkan oleh **kekurangan zat makanan**.
8. **Kebuluran** pula berlaku di mana-mana dan ramai kanak-kanak yang mati akibat kekurangan zat makanan.


Jenis barang	Disember 1941	Disember 1943	Ogos 1945
Telur (sebij)	3 sen	28 sen	\$35.00
Beras ($\frac{1}{2}$ kilogram)	6 sen	\$2.50	\$75.00
Gula ($\frac{1}{2}$ kilogram)	8 sen	\$3.	\$120.00

Kesan inflasi terhadap harga barangan keperluan semasa pendudukan Jepun

9. Semasa pendudukan Jepun juga, rakyat hidup dalam ketakutan dan mereka curiga-mencurigai antara satu sama lain.
10. Terdapat segelintir rakyat menjadi **tali barut** Jepun.
11. Ramai rakyat yang menjadi **mangsa kekejaman** tentera Jepun.
12. Pergerakan rakyat tidak bebas kerana sentiasa diawasi oleh **Kempetai**.
13. Tugas Kempetai ialah **mengintip** sesiapa sahaja yang dianggap bersalah.
14. Sesiapa yang bersalah akan dikenakan **hukuman dera** dan **hukuman mati** yang dijalankan di khalayak ramai.
15. Golongan pemuda pula sebahagiannya dijadikan **buruh paksa** untuk membina Jalan Kereta Api Maut yang menghubungkan Thailand dengan Burma.



Pengukuhan Minda



Kesimpulan

1. Penjajahan Jepun bukan membawa kemakmuran seperti yang dilaung-laungkan tetapi kesengsaraan dalam semua aspek kehidupan rakyat.
2. Slogan-slogan Jepun yang sebelum ini **memikat hati rakyat**, sebenarnya hanyalah indah khabar dari rupa dan **muslihat** Jepun untuk mencapai hasrat mereka.
3. Semangat kebangsaan semakin bersemarak dikalangan rakyat tetapi **berpaksikan** negara asal masing-masing.
4. Walau bagaimanapun, penjajahan Jepun memberi pengajaran kepada orang Melayu untuk menolak semua bentuk penjajahan sama ada dari Barat atau Timur.